



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MALAYSIA SERTAI INTERNATIONAL VACCINE INSTITUTE (IVI) PERKUKUH KERJASAMA GLOBAL DALAM R&D VAKSIN, PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KESIAPSIAGAAN KESIHATAN AWAM

KUALA LUMPUR, 28 OGOS 2026 - Kerajaan meraikan penyertaan rasmi Malaysia dalam International Vaccine Institute (IVI), sebuah organisasi antarabangsa yang memberi fokus kepada pembangunan vaksin untuk kesihatan awam global, sekali gus memperkuat kerjasama negara dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan inovasi vaksin.

Sempena penganjuran National Innovation and Commercialisation Expo (NICE) 2026 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), satu sesi pertukaran dokumen simbolik berlangsung antara YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dengan YBrs. Dr. Jerome Kim, Director General IVI, bagi meraikan penyertaan rasmi Malaysia dalam IVI serta menandakan permulaan fasa baharu kerjasama kedua-dua pihak dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi vaksin.

YB Datuk Chang Lih Kang berkata, "Penyertaan Malaysia dalam IVI bukan sekadar satu pencapaian institusi. Ia membuka ruang untuk kita menghubungkan kekuatan sains, teknologi dan inovasi negara dengan kepakaran global supaya penyelidikan vaksin dapat diterjemahkan dengan lebih berkesan daripada peringkat makmal kepada pembangunan klinikal dan seterusnya kepada penyelesaian yang memberi manfaat kepada rakyat."

Penyertaan Malaysia dalam IVI melengkapi usaha negara di bawah Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) untuk membangunkan ekosistem vaksin yang lebih berdaya tahan melalui pengukuhan penyelidikan dan pembangunan (R&D), keupayaan teknologi, pembangunan klinikal, pembuatan, bakat saintifik dan kerjasama antarabangsa.

Antara bidang kerjasama yang akan diteroka bersama IVI termasuk penyelidikan dan pembangunan vaksin, perkongsian kepakaran, pembangunan bakat, pemindahan teknologi serta pengukuhan keupayaan Malaysia dalam pembangunan dan pembuatan vaksin.

Penglibatan Dr. Jerome Kim dalam NICE 2026 turut mencerminkan peranan NICE sebagai platform nasional yang menghubungkan penyelidik, industri, pelabur dan rakan antarabangsa bagi mempercepatkan penerapan sains dan inovasi kepada impak ekonomi dan sosial.

Kerjasama dengan IVI dijangka membuka lebih banyak ruang kepada institusi Malaysia untuk berhubung dengan kepakaran, rangkaian dan program pembangunan vaksin di peringkat global, sekali gus memperluas peluang kolaborasi dalam bidang penyelidikan, pembangunan klinikal, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti. Langkah ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkukuh keupayaan sains dan teknologi, kesiapsiagaan kesihatan dan daya saing ekosistem bioekonomi dan bioteknologi negara.

MOSTI melalui Pejabat Pengurusan Projek Pembangunan Vaksin Malaysia (MVPO) akan meneruskan libat urus teknikal dengan IVI serta agensi dan institusi berkaitan bagi mengenal pasti bidang kerjasama yang boleh diterjemahkan kepada program dan pembangunan kapasiti yang memberi nilai kepada Malaysia.

IVI ialah sebuah organisasi antarabangsa berasaskan perjanjian yang ditubuhkan pada tahun 1997 bagi memperkukuh penyelidikan, pembangunan dan inovasi vaksin untuk kesihatan awam global. Sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan, IVI menyokong pelbagai aktiviti sepanjang rantai pembangunan vaksin, termasuk penyelidikan praklinikal dan klinikal, pemindahan teknologi, pembangunan kapasiti, sokongan kawal selia serta pelaksanaan vaksin.

NICE 2026 berlangsung pada 26 hingga 28 Ogos 2026 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Maklumat lanjut mengenai NICE 2026 boleh diperoleh di <https://nice.mosti.gov.my/>.

FOTO MAJLIS

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
28 OGOS 2026